



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (82)

Tarikh : 1 Disember 2021

SIARAN MEDIA

PROGRAM TRANSFORMASI PASAR MALAM KPKT : TINGKATKAN KEYAKINAN RAKYAT PASCA PANDEMIK DALAM PERSEKITARAN PASAR MALAM YANG BERSIH, SIHAT DAN SELAMAT

PUTRAJAYA, 3 Disember 2021 – YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri telah menyempurnakan **Majlis Pelancaran Program Transformasi Pasar Malam KPKT** di tapak pasar malam Presint 2, Putrajaya petang ini anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serentak dengan Majlis Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Keluarga Malaysia Peringkat Kebangsaan 2021.

Majlis dihadiri oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan (KWP) dan YB Tan Sri Noh Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).

Program Transformasi Pasar Malam KPKT ini merupakan salah satu pendekatan KPKT dalam **memberi wajah baharu pengoperasian pasar malam pasca pandemik COVID-19**. Ia sebahagian daripada strategi KPKT dalam merawat keresahan rakyat serta mengembalikan keyakinan rakyat setelah hampir dua tahun bergelut dengan penularan COVID-19.

Program Transformasi Pasar Malam ini melibatkan **keseragaman pengoperasian pasar malam di semua PBT, pengurusan pasar malam mengikut Garis Panduan Pasar Malam KPKT, amalan norma baharu mengikut SOP MKN dan program sanitasi dan disinfeksi** secara sendiri. Ia meliputi keseragaman dari segi khemah,

apron dan topi kepada para peniaga. Marshal Pasar malam turut diperkenalkan bagi tujuan pemerkasaan komuniti peniaga pasar malam untuk memastikan pematuhan SOP dan operasi pasar malam berjalan dengan lancar.

YAB Perdana Menteri dalam ucapannya mengumumkan berharap agar semua pihak khususnya Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Kerajaan Negeri agar dapat mengadaptasi pendekatan Transformasi Pasar Malam ini di seluruh negara. Ini kerana pasar malam merupakan satu medan kepada rakyat mendapatkan keperluan harian dengan mengurangkan peranan orang tengah. Dalam hubungan ini, **beliau turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM25 juta untuk pelaksanaan transformasi pasar malam ini yang akan dilaksanakan secara berperingkat dengan 50 tapak pasar malam yang menjadi tumpuan utama di seluruh negara.**

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican pula memaklumkan bahawa program Transformasi Pasar Malam ini merupakan **sebahagian daripada usaha berterusan KPKT dalam mendokong agenda pemulihan negara agar penularan COVID-19 dapat dibendung.** Pengenalan elemen-elemen norma baharu dalam pengoperasian pasar malam diharap dapat menjadikan pasar malam, antara tempat tumpuan utama orang ramai mendapatkan keperluan, selamat untuk dikunjungi.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah menyatakan komitmen dalam pelaksanaan transformasi pasar malam ini khususnya Perbadanan Putrajaya.

KPKT juga berhasrat memastikan transformasi ini dapat **membentuk identiti baharu pasar malam yang lebih bersih, sihat dan selamat** dengan menyediakan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan paip air kekal dan menyediakan tapak *communal bin* bagi memastikan sisa pepejal diuruskan secara sanitari.

Program Transformasi Pasar Malam ini juga merupakan salah satu daripada komponen Aspirasi Keluarga Malaysia 100 Hari yang menjadi petunjuk prestasi KPKT khususnya menyokong fasa pemulihan negara daripada pandemik COVID-19.

Dalam memacu **agenda utama** pasukan KPKT ke arah “**LIVEABLE MALAYSIA**” atau “**MALAYSIA BERDAYA HUNI**”, ciri-ciri persekitaran yang mampan termasuk dari aspek **infrastruktur fizikal** dan **persekitaran yang berkualiti** mencakupi fasiliti, serta persekitaran yang selamat meningkatkan keyakinan dan mengurangkan kekusaran kepada rakyat untuk bangkit semula merancakkan sektor ekonomi dalam fasa endemik.

Turut hadir di majlis ini ialah Tan Sri Dato’Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara, Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT dan Dato’Haji Ramli Haji Norani, Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM).

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

